

27 FEB 1996

ASEM -- PERTEMUAN BERSEJARAH PARA PEMIMPIN EROPAH, ASIA

Oleh: Michael Raj

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan meyertai para ketua kerajaan Asia Timur dan Eropah di Bangkok minggu ini untuk pertemuan yang bersejarah yang Asia berharap akan menjadi landasan untuk mengenali satu sama lain tidak sebaliknya sensitiviti satu sama lain.

Para menteri luar dan perdagangan Asia, di dalam mesyuarat persediaan yang diadakan di Thailand baru-baru ini, telah bersetuju bahawa sidang kemuncak tidak rasmi 1 hingga 2 Mac tidak seharusnya menjadi landasan untuk "mencari salah" tetapi seharusnya bekerja ke arah mengujudkan persekitaran yang ideal bagi rangkaian perdagangan dan pelaburan yang lebih baik di antara kedua-dua rantau ekonomi yang paling penting di dunia.

Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) dengan rasminya telah menubuhkan pertukaran di antara rantau peringkat ketiga di dalam struktur ekonomi sejagat tiga pola masa kini. Asia Timur dan Amerika Utara telahpun terbabit di dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) dan Amerika Utara dan Eropah telah mengujudkan forum-forum ekonomi dan keselamatan.

Sidang kemuncak itu akan dihadiri oleh para pemimpin daripada Kesatuan Eropah mengandungi 15 negara dan tujuh anggota ASEAN bersama China, Jepun dan Korea Selatan.

ASEAN, kuasa pendorong di dalam menganjurkan ASEM, telah mendesak agar ia sepatutnya merupakan satu acara untuk pemimpin sahaja -- atau sekurang-kurangnya bagi sebahagian besarnya -- kerana ia akan dapat mencapai lebih banyak seperti terbukti oleh pengalamannya di sidang-sidang kemuncak Asean.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, yang berkata masanya telah tiba bagi Eropah melihat jaringan dengan Asia pada asas sama rata tanpa persyaratan, menyarankan agar Eropah menggunakan tenaganya untuk menjayakan programnya digelar "Asia Invest" untuk mempertingkatkan rangkaian perdagangan dan pelaburan dan memudahkan pemindahan teknologi melalui ASEM.

EU sendiri mengakui bahawa Asia, dengan pembahagian pengeluaran sejagatnya yang telah meningkat dari empat peratus pada 1960 kepada 25 peratus pada 1991, boleh menyumbang 33 peratus daripada pengeluaran seluruh dunia menjelang permulaan abad ke-21. Malahan tanpa Jepun, Asia Timur akan merupakan setengah daripada pertumbuhan dunia dan setengah daripada perdagangan dunia menjelang akhir dekad ini, yang bermakna adalah satu kesilapan bagi EU mengeneipikan rantau ini.

Di dalam satu penerbitan khas bertajuk "Eropah -- Rakan Kongsi Asia," Suruhanjaya Eropah menghujah bahawa Eropah menanggung kekurangan daya penglihatan di Asia dan menegaskan "kekurangan perhubungan" di antara kedua-dua rantau perlu diubah.

Kesemua ini menunjukkan pentingnya ASEM. Sungguhpun demikian, penghubung-penghubung telah datang dari Eropah untuk perkongsian berdasarkan permintaan dan standard Eropah, yang jika ditunjukkan di Bangkok mengancam untuk menjejaskan potensi yang besar yang menunggu dieksploitasikan di antara rantau-rantau itu.

Pandangan Rafidah itu dikongsi oleh banyak pemimpin lain, termasuk para pemimpin Asia, yang sidang kemuncak itu seharusnya merupakan sesuatu yang sama rata dan tanpa persyaratan.

Beliau mendedahkan bahawa negara-negara Eropah yang tertentu seperti Perancis mendesak diadakan perhubungan perdagangan dengan isu-isu seperti hak kemanusiaan dan buruh, fasal-fasal sosial dan alam sekitar melalui

sebarang landasan, termasuk ASEM.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar mengingatkan bahawa jika pihak Eropah melakukan demikian, Asia juga mempunyai pelbagai isu sensitif yang boleh dibawanya jika ia mahu, seperti ujian nuklear Perancis dan Eropah yang hampir lumpuh dalam mengendalikan isu Bosnia-Herzegovina dan Chechnya, cuma menyebut beberapa isu.

Sentimen itu yang diulang-ulang semasa mesyuarat persediaan menteri-menteri luar di Phuket oleh Timbalaan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Thai Saroj Chavanaviraj yang memberi amaran mesyuarat itu boleh bertukar menjadi pertikaian jika perkara-perkara seumpama itu dikemukakan.

"Ia tidak bermakna kita tidak mahu menghadapi isu-isu kontroversi. Kita sanggup dan bersedia (berbuat demikian) tetapi kedua-dua pihak harus faham bahawa terdapat had tertentu kepada perkara ini," tambahnya.

Rafidah berkata sidang kemuncak itu adalah tempoh yang dipergunakan dengan sebaik-baiknya untuk mencari jalan menggunakan pelbagai peluang ekonomi yang menunggu mereka di Asia tidak sebaliknya terus mencuba untuk "menghukum Asia kerana apa yang didakwanya sebagai kesilapan Asia menyebabkan barangan Eropah tidak mendapat habuan yang adil pasaran antarabangsa."

Di sebalik menyalahkan orang lain dan menggunakan isu-isu luaran sebagai alasan melindungi industri-industri domestiknya, Eropah mestilah memperbetulkan kelemahannya seperti industri-industrinya kurang cekap daripada yang terdapat di negara-negara sedang membangun, tambahnya.

"Orang tidak harus mengandaikan bahawa keluaran-keluaran yang datang dari Asia adalah lebih murah kerana kita membayar upah yang rendah, atau disebabkan buruh kanak-kanak ... kamu tidak patut ada kenyataan secara menyeluruh seperti itu," katanya.

"Kelemahan Eropah termasuk kosnya yang tinggi dan ketidak cekapan. Keluaran-keluaran mereka mahal kerana buruh terlalu mahal bayarannya untuk masa kerja yang terlalu sedikit manakala daya pengeluaran Asia adalah lebih tinggi. Juga sikap mereka terhadap kerja tidak sejajar dengan daya pengeluaran dan kecekapan yang tinggi dan Eropah mestilah menyelesaikan masalah-masalah dalamannya. Tidak guna mencari alasan-alasan di luar."

Rafidah berkata jika persekitaran perniagaan di Eropah tidak lagi kompetitif, "mereka lebih baik berbuat sesuatu mengenainya, tidak sebaliknya menghukum negara-negara sedang membangun yang sedang berusaha untuk lebih cekap, yang memahami daya pesaingan kos, dan di mana tenaga buruh adalah lebih rajin dan produktif."

Malaysia juga memandang berat terhadap kemungkinan langkah-langkah di ASEM untuk menetapkan tempoh bagi langkah-langkah pembukaan pasaran yang serupa yang digunakan oleh APEC.

Malaysia merasakan bahawa ini tidak praktikal kerana 25 negara Asia dan Eropah itu mempunyai tahap ekonomi yang berbeza-beza dan adalah sukar mempunyai jadual yang tersusun untuk meliberalakan perdagangan dan aliran pelaburan.

Lagipun, telahpun ada pengembangan struktur yang kukuh di seluruh dunia dengan negara-negara kini perlu berpuas hati dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan APEC.

Malaysia berkata ASEM tidak perlukan jadual untuk bertanding dengan jadual APEC, tetapi ia boleh mempunyai langkah-langkah pengliberalan tarif sejajar dengan langkah-langkah WTO.

Keutamaan yang paling tinggi ialah untuk memastikan kesemua komitmen dan tanggung jawab yang dibuat di bawah Pusingan Uruguay menuju kepada WTO ialah untuk dilaksanakan oleh semua orang, sama ada mereka di dalam APEC, EU atau Asia, kata Rafidah.

"Jika orang boleh komited dan melaksanakan apa yang mereka bertanggung jawab di bawah WTO itu adalah lebih daripada mencukupi. Masalahnya ialah

sesetengah negara tidak berbuat sesuatu apapun lagi. Mempercepatkan melampaui WTO adalah satu rahmat," Rafidah memberitahu para wartawan baru-baru ini di Chiangrai semasa mesyuarat persediaan menteri-menteri ekonomi Asia.

Adalah difahamkan bahawa London telah menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah pada 1998 jika ada persetujuan untuk kesinambungan dialog itu manakala Korea Selatan menawarkan dirinya untuk menjadi tuan rumah peristiwa itu dalam tahun 2000.

Sama ada ASEM mempunyai masa depan selepas mesyuarat pertamanya minggu ini akan menjadi jelas pada sidang kemuncak di Bangkok itu. Menteri Luar Singapura Prof S. Jeyakumar, telah berkata ASEM tidak harus dilihat sebagai peristiwa untuk sekali sahaja, tetapi proses perubahan ke arah mengujudkan satu permulaan baru berasaskan kepada perkongsian sama rata.

Bagi Malaysia, satu perkara adalah jelas. Ia tidak mahu ASEM diinstitusikan dan ia merasakan tidak perlu bagi para pemimpinnya bermesyuarat setiap tahun atau kerap kerana sudahpun terdapat terlalu banyak sidang kemuncak seperti yang terbukti oleh APEC.

Sebaliknya, apa yang penting ialah bagi sektor swasta meningkatkan tindakan susulan kerana kerajaan hanya boleh membuka pintu dan mengadakan landasan yang ideal bagi interaksi yang lebih besar dan langkah pertama adalah bagi sektor swasta menjayakannya.

Oleh itu, perutusan Dr Mahathir kepada rakan-rakan sejawatannya di Asia dan Eropah ialah: "Mari kita berbincang tentang perdagangan, cari asas yang sama untuk mempertingkatkan kerja sama ekonomi ... jangan membazir waktu mencari kesalahan satu sama lain." -- BERNAMA

MR/LKC OS